



KEMENTERIAN  
PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

## KENYATAAN MEDIA

### KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

## KEDA BINA 5,173 UNIT RUMAH UNTUK GOLONGAN MISKIN DI KEDAH

KPLB.100-2/1/6 JLD.2 (30)

PADANG TERAP, 13 Feb – Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah, KEDA, telah berjaya membina 5,173 buah rumah golongan miskin di Kedah sejak penubuhannya pada tahun 1981.

Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Seri Mahdzir Khalid berkata, daripada jumlah itu, sejumlah 1,311 buah rumah telah didirikan di 14 buah Kampung Tradisional.

Manakala 3,862 buah rumah Projek Perumahan Rakyat Termiskin, PPRT, di bina di 44 buah kampung di bawah Desa KEDA.

“Pembinaan rumah-rumah tersebut dibuat secara penempatan berkelompok dalam satu kawasan supaya dapat memudahkan penyaluran bantuan dan lain-lain kemudahan sosial bagi mencapai keharmonian dan perpaduan.

“Projek pembangunan rumah-rumah kampung seperti ini telah dilaksanakan oleh KEDA sejak Rancangan Malaysia Keempat (RMKe-4) lagi dan sehingga kini masih diteruskan.”

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menyempurnakan Majlis Perasmian Taman Desa Pudina (PPK Kubang Kenyeng) di sini hari ini.

Turut hadir, Pengerusi KEDA, Datuk Dr. Ku Abd Rahman Ku Ismail, Ketua Setiausaha KPLB, Datuk Ramlan Harun, Ahli Dewan Undangan Negeri Pedu, Mohd Radzi Md Amin, Ahli Dewan Undangan Negeri Kuala Nerang, Munir Muhamad Yusoff Zakaria dan Pegawai Daerah Padang Terap, Radzuan Osman.

Menurut Mahdzir, seramai 23,775 orang golongan miskin telah menerima manfaat sejak program bantuan perumahan KEDA itu dilaksanakan sejak RMK-4.

Bagi projek pembinaan perumahan di Taman Desa Pudina Mahdzir berkata, sejumlah 60 buah rumah dibina dengan kos keseluruhan RM9.5 juta.

Skop projek merangkumi kerja tanah berkeluasan keseluruhan 5.5 ekar, kemudahan infrastruktur iaitu jalan dalam penempatan, bekalan air, bekalan elektrik, loji rawatan kumbahan dan gelanggang futsal.

"Pembinaan Taman Desa Pudina adalah Projek Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK11) bertujuan untuk membantu meningkat taraf kehidupan masyarakat miskin luar bandar.

"Selain itu, pembinaan taman bukan sahaja akan memajukan kawasan sekitar daerah Padang Terap, malah keselamatan penduduk juga akan lebih terjamin."

Tambah Mahdzir, Taman Desa Pudina adalah lambang kejayaan projek di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar, KPLB, yang

dilaksanakan oleh KEDA dengan membangunkan penempatan baharu yang dilengkapi kemudahan asas serta kondusif.

“Ia bertepatan dengan misi KPLB yang berusaha memanfaatkan sepenuhnya sumber manusia dan ekonomi serta membangunkan kawasan luar bandar bagi mewujudkan persekitaran sosio ekonomi yang lebih berdaya maju, sejajar dengan Dasar Pembangunan Luar Bandar (DPLB) 2030,” jelas Mahdzir.

**-TAMAT-**

**#KeluargaMalaysia**

**#BekerjaBersamaRakyat**

**DATUK SERI MAHDZIR KHALID**

**MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR**

**13 FEBRUARI 2022**

**Unit Komunikasi Korporat.** | Kementerian Pembangunan Luar Bandar  
Tel: 03-8891 5945 Faks: 8888 2367 Email: [ukk@rurallink.gov.my](mailto:ukk@rurallink.gov.my)



[www.rurallink.gov.my](http://www.rurallink.gov.my)



Kementerian Pembangunan Luar Bandar



[kplb\\_gov](https://twitter.com/kplb_gov)



[kplb\\_gov](https://www.instagram.com/kplb_gov)



[KPLB\\_GOV Official](https://www.youtube.com/KPLB_GOV)